

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DAN SOALAN LAZIM (FAQ)  
BAGI PERKHIDMATAN UTAMA (CORE BUSINESS) JABATAN KETUA  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN (JKPTG)**

**BAHAGIAN PENGUATKUASA DAN HASIL PERSEKUTUAN (BPHP)**

1. **S: Adakah urusan sewa termasuk dalam kategori essential services (perkhidmatan perlu) sepanjang PKP 3.0?**

J: Urusan Sewa bukan essential service (perkhidmatan perlu) sepanjang PKP 3.0.

2. **S: Adakah permohonan sewa boleh dibuat melalui kaunter sepanjang tempoh PKP 3.0 dan dimana?**

J: Permohonan sewa perlu dibuat di Pejabat JKPTG Negeri terlibat tetapi sepanjang PKP 3.0, **kaunter permohonan tidak dibuka.**

3. **S: Bolehkan permohonan Sewa Tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dibuat secara on-line?**

J: Ya, boleh dengan syarat semua dokumen seperti carian hakmilik tanah, pelan tanah disertakan dan diupload semasa permohonan dibuat.

4. **S: Berapa lama tempoh sewa tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan?**

J: 3 tahun sahaja seperti terkandung dalam Kanun Tanah Negara Seksyen 223 dan Penyewa perlu mengosongkan tapak dalam masa 30 hari jika Kerajaan hendak membangunkan tapak tersebut.

5. **S: Jika saya mempunyai pertanyaan lanjut, dimanakan saya boleh rujuk?**

J: Sila layari [www.jkptg.gov.my](http://www.jkptg.gov.my) > panduan > permohonan > permohonan penyewaan Tanah Persekutuan atau telefon mana-mana Pejabat JKPTG Negeri yang terlibat.